

Waspada cubaan gugat ketenteraman negara

PM mahu pasukan keselamatan siap sedia tangani kekacauan guna sentimen kemiskinan

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan seluruh pasukan keselamatan agar berwaspada terhadap sebarang usaha oleh segelintir pihak yang mahu mengganggu gugat keselamatan dan ketenteraman negara.

Menegaskan bahawa sebarang cubaan adu domba, menghancurkan 'suhu' kaum serta agama di negara ini tidak akan dibenarkan, beliau berkata, Kerajaan Perpaduan teguh dalam mempertahankan nilai serta akhlak dengan semangat menyatukan rakyat berbilang kaum dan agama.

"Saya telah arahkan semua pasukan keselamatan untuk waspada sebab orang yang rasa terdesak atau tercabar akan guna sentimen, rakyat yang miskin akan diupah untuk menimbulkan apa-apa kekacauan.

"Saya tegaskan dan Kabinet bersama dalam hal ini untuk pastikan bahawa keamanan dan perdamaian semua kaum dipertahankan. Kita tidak akan bertolak ansur sedikit pun terhadap mana-mana usaha yang



Anwar pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)

akan mengganggu gugat keselamatan negara," katanya.

Mengeluarkan peringatan itu pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Kabinet di sini semalam, Anwar berkata, ada usaha oleh orang yang kehilangan kuasa untuk menggunakan isu program 'Jom Ziarah' rumah ibadah bagi meniup sentimen kaum dan agama.

Sebelum ini, tular menerusi media sosial mengenai 'ajakan' kepada umat Islam untuk menziarahi gereja sehingga mencetuskan perdebatan terbuka dalam kalangan orang ramai, termasuk di media sosial selain turut dibangkit dan dipersoalkan pemimpin politik.

Ia berkait program anjuran Projek Impact Malaysia yang turut membabitkan rumah ibadat bagi agama lain, termasuk menziarahi masjid.

Hasil karya lain yang turut

menyentuh sensitiviti agama ialah filem *Mentega Terbang* arahan sutradara muda, Mohd Khairi Anwar Jailani, yang dikecam kerana mengandungi babak didakwa seakan-akan mempersendakan Islam dan menyentuh sensitiviti umat Islam.

Filem berdurasi sejam 45 minit itu menjadi bualan hangat kerana mengandungi babak seorang bapa yang berfikir terbuka apabila tidak menghalang anak memilih agama, di mana perbuatan itu bertentangan dengan Islam.

Selain itu, dialog watak kanak-kanak perempuan bernama Aishah menjadi perdebatan kerana dianggap boleh menimbulkan keraguan dalam kalangan penonton.

Perdana Menteri berkata, keadaan masih terkawal ketika ini, namun sekiranya tindakan itu melampau sehingga mengganggu gugat ketenteraman awam, pasukan keselamatan akan ber-

tindak keras dan tegas.

Anwar berkata, kerajaan pemimpinnya tetap teguh mempertahankan prinsip Perlembagaan negara, iaitu Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan turut memberi ruang kepada kebebasan serta hak kepada agama lain, seperti dijamin Perlembagaan.

"Kerajaan ini adalah kerajaan dengan dasar jelas ke arah Malaysia MADANI. Teguh dalam peletakan nilai dan akhlak dan kukuh semangat kita menyatupadu rakyat pelbagai kaum dan agama.

"Kita kata kita inklusif, kenyataan yang tidak bertanggungjawab tidak boleh diguna pakai kerana kita tak boleh lari daripada kenyataan bahawa Malaysia harus aman, tertib dibangunkan oleh Melayu dan Bumiputera, Cina, India, Dayak, Iban, Melanau, Kadazan, Dusun dan lain-lain.

"Oleh demikian, saya ingin tegaskan semula, kita tak boleh bertolak ansur dalam hal ini. Sebarang usaha oleh sesiapa pun yang cuba mengadu domba, menghancurkan suhu kaum atau agama di negara ini tidak akan diizinkan," katanya.

Beliau berkata, jika ada perkara berbangkit, ia perlu dileraikan dengan baik supaya tidak ada perseteruan, salah sangka atau prasangka termasuklah dalam soal kunjungan ke masjid yang tidak melibatkan kerajaan sama sekali.

"Sekiranya ada apa-apa peraturan, pelanggaran atau menimbulkan sedikit sebanyak sensitiviti kaum, perkara ini harus dileraikan melalui perundingan," katanya.